

PM lancar 5G luar bandar pertama di Malaysia

Parlimen Ketereh di Kelantan jadi lokasi perintis kepada projek tersebut

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melancarkan perkhidmatan 5G pertama luar bandar di negara ini sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Kelantan pada Sabtu.

Parlimen Ketereh menjadi lokasi perintis kepada projek tersebut di negara ini.

Pelancaran detik bersejarah itu yang berlangsung di Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK) Peringat di sini turut disaksikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

Ketua Pegawai Kawal Selia Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Zulkarnain Mohd Yasin berkata, Parlimen Ketereh menjadi lokasi perintis kepada pelaksanaan projek 5G di kawasan luar bandar.



Ismail Sabri memukul gong sebagai gimik perasmian Hab Digital Ketereh di YKK Peringat, Kota Bharu pada Sabtu.

"Hasil ujian yang dijalankan mendapati kelajuan internet dicapai ialah 1.5 gigabit persaat untuk 5G.

"Ini adalah 100 kali lebih baik daripada kelajuan internet yang kita dapati pada

masa sekarang," katanya.

Menurutnya, SKMM akan sentiasa memantau dan melakukan ujian untuk melihat tahap kelajuan capaian 5G di kawasan itu dari masa ke masa.